

13 MAR 1997

Mahathir-Maaf

TINDAKAN LEE MEMINTA MAAF LANGKAH POSITIF, KATA DR MAHATHIR

KOTA TINGGI, 13 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata, tindakan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew meminta maaf atas kenyataannya terhadap Johor merupakan satu langkah positif ke arah hubungan baik antara kedua-dua negara.

Ditanya sama ada beliau melihatnya sebagai satu perkembangan positif Dr Mahathir berkata: "Saya selalu melihat sesuatu secara positif dan di sebaliknya jika orang memandang saya secara negatif, maka negatiflah saya."

Beliau berkata demikian kepada pemberita sebelum menghadiri majlis makan malam di Sebana Cove and Marina Resort di sini, malam ini.

Menurut agensi berita Reuters, Lee yang juga bekas Perdana Menteri Singapura memohon maaf dengan tulus ikhlas terhadap kenyataannya itu yang menyinggung perasaan pemimpin-pemimpin dan rakyat Malaysia.

"Menteri Kanan itu tidak berniat menyinggung sesiapa dan memohon maaf kepada kerajaan dan rakyat Malaysia dengan tulus ikhlas atas kenyataannya terhadap Johor," menurut agensi berita Reuters yang memetik kenyataan setiausaha akhbar Lee.

Kenyataan Lee dalam affidavit samannya terhadap bekas calon pembangkang republik itu, Tang Liang Hong menuduh Johor sebagai negeri yang terkenal dengan kejadian tembak-menembak, menyamun dan merampas kereta mencetuskan reaksi daripada pemimpin-pemimpin dan rakyat Malaysia.

Pada pagi tadi selepas melawat Sebana Cove and Marina Resort, Perdana Menteri berkata Singapura perlu menyatakan sesuatu yang baik mengenai Malaysia dan tidak harus mempersendakan Malaysia jika ia mahu mempertingkatkan lagi hubungan.

Dr Mahathir berkata, kenyataan seperti Johor sebuah negeri yang terkenal dengan kejadian tembak-menembak, menyamun dan merampas kereta dan Malaysia tidak mengamalkan meritokrasi tidak harus diperkatakan.

Dr Mahathir mengulangi kenyataannya seperti yang dibuat pagi tadi bahawa kerajaan menghadapi pelbagai masalah untuk mengekalkan hubungan baik dengan Singapura atas sikap dan perbuatan republik itu yang sering menyinggung perasaan Malaysia.

Antara perkara yang tidak disenangi Malaysia terhadap Singapura ialah kenaikan sewa berek TLDM di Woodlands dan desakan Singapura supaya perkhidmatan keretapi KTM di Tanjung Pagar dihentikan.

Bila ditanya kenapa agaknya Lee mengeluarkan kata-kata sedemikian terhadap Johor, Dr Mahathir berkata: "Dia buat itu dalam affidavit di sebuah mahkamah di Singapura. Saya yakin dia percaya yang apa dia katakan dalam affidavit itu boleh didedahkan kepada rakyat Malaysia.

Bagaimanapun, katanya, Lee tidak sepatutnya mengeluarkan kata seumpama itu kerana apa yang tertera dalam affidavit adalah rasmi. -- BERNAMA

ARA PR